

Awer minta kajian didedah, bimbang analisis tak tepat

PERSATUAN Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (Awer) meragui kajian persampelan yang dijalankan terhadap keselamatan air bekas lombong.

Presidennya, S Piarapakaran mempersoalkan agensi yang mengiktiraf kualiti air lombong itu sama ada Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS).

"Susulan hujan baru-baru ini, jika persampelan dijalankan bagi air lombong di bahagian atas kolam bekas lombong sahaja, berkemungkinan hasil analisis tidak tepat.

"Proses mengepam air ini ke sungai adalah juga berkemungkinan untuk melarutkan bahan kimia.

"Air lombong adalah air statik dan kawasan bekas lombong mempunyai

kandungan logam berat yang karsinogenik boleh menyebabkan kanser," katanya.

Piarapakaran menjelaskan, apabila lebih banyak air lombong dipam, berkemungkinan logam berat dengan kandungan yang lebih tinggi di dasar kolam akan mula dipam keluar.

"Bekas lombong juga bukan tasik semula jadi, maka kesan pelarutan secara semula jadi tidak wujud. Terdapat

juga aktiviti radioaktif paras rendah di kolam bekas lombong.

"Oleh itu, kerajaan negeri mesti dedahkan parameter-parameter yang dikaji dan diuji kerana logam berat ada keupayaan untuk berkumpul dalam badan organisma hidup untuk jangka masa yang lama," katanya.

Tambahan pula menurutnya, kebanyakan loji-loji perawatan air tidak mempunyai kemudahan rawatan un-

tuk mengeluarkan logam berat.

Beliau memaklumkan bahawa Awer mengutarakan kerisauan ini kerana logam-logam berkenaan boleh memudaratkan kesihatan.

Agensi-agensi yang melakukan kajian dan mengiktiraf kualiti air ini perlu mengambil tanggungjawab sepenuhnya jika berlakunya sebarang impak kepada kesihatan pengguna dalam jangka masa panjang.